

# **Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia**

**Mohd Saharudin bin Shakrani \***

**Mohd Saifoul Zamzuri Noor \***

**Jamal Ali \***

## **Abstract**

*Waqt is one of the Islamic institutions that combine spiritual and material element in economic development. It is a balanced development institution that is important for developing economics of ummah. This is based on history for its role in developing ummah in the countries such as Egypt, Turkey, Saudi Arabia and Kuwait. In Malaysia, the waqt institution is not functioning very well in improving economics well being of ummah. The focus of this study is to examine the preliminary issues that restrict the proper implementation of waqt in economic planning in Malaysia. Firstly, the issue is on the problem in clarification on how to develop the waqt according to the Islamic scholar's opinion. Secondly, the issue is on the legislation obstacles, and the third issue is on the problem of Baitul Mal's administration that is inefficient and unsystematic.*

## **Pengenalan**

Wakaf adalah salah satu institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen rohaniah dan kebendaan. Justeru itulah ia dikatakan satu institusi pembangunan ekonomi ummah yang seimbang dan penting kepada masyarakat Islam khususnya.<sup>1</sup> Ini

---

\* Pensyarah di Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

<sup>1</sup> Abdul Hamid Yunus (1980), "Wakaf dan Peranannya Dalam Pembangunan Umat," *Koleksi al-Yakin 1978-1979*, Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Malaysia, h. 12.

terbukti berdasarkan pengalaman wakaf dalam membangunkan ekonomi ummah di negara Mesir, Turki, Arab Saudi dan Kuwait. Universiti al-Azhar, Mesir umpamanya yang ditubuhkan dan ditadbirkan oleh sebuah perbadanan wakaf negara itu dan kini telah lebih 1000 tahun penubuhannya masih dibiayai oleh perbadanan tersebut.

Di Malaysia, institusi wakaf masih tidak berfungsi sebaik mungkin dalam membangunkan ekonomi ummah. Ini dapat dilihat sendiri di Pulau Pinang misalnya yang mempunyai 89.26 ekar<sup>2</sup> tanah wakaf dan menurut Kamaruddin Ngah, bandar George Town yang mempunyai 63 ekar tanah wakaf masih gagal dibangunkan menyebabkan masalah pembangunan ekonomi di kalangan bumiputera di George Town tidak dapat diselesaikan.<sup>3</sup> Kejayaan institusi ini di masa akan datang bergantung kepada kefahaman yang jelas mengenai konsep, peranan dan matlamat harta wakaf, kesedaran yang mendalam mengenai kepentingan menjaga dan memelihara wakaf, sikap bekerjasama, keseragaman pengurusan dan perlaksanaan serta penyelesaian masalah lain yang menjadi batu penghalang bagi pembangunan harta wakaf masa kini.<sup>4</sup>

### Pernyataan Masalah

Di Malaysia, fenomena pembangunan ekonomi menjadi lebih pesat selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Walaupun begitu, pencapaian DEB dan DPN adalah kurang membanggakan dalam membangunkan ekonomi bumiputera-muslim. Ini kerana selepas DEB dan awal DPN, masih wujud komuniti Melayu yang terpaksa mendiami kawasan setinggan, kampung tradisional dan rumah awam kos rendah kerana mereka tidak memiliki rumah sendiri.<sup>5</sup> Situasi ini memerlukan kepada perubahan dan ini akan memberi kesan kepada keperluan penggunaan tanah. Dalam klasifikasi tanah, wujudnya tanah wakaf yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan peluang ekonomi kepada bumiputera muslim seperti tanah wakaf perumahan dan bangunan perniagaan. Awalnya, harta wakaf ini boleh dirancangkan supaya selari dengan matlamat DEB dan DPN, khususnya dalam membasmi kemiskinan terutama di kalangan bumiputera-muslim.

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),<sup>6</sup> negara ini mempunyai seluas 20,735.61 ekar tanah wakaf di seluruh negara. Amat rugi jika keluasan tanah

<sup>2</sup> Laporan Bahagian Penyelidikan JAKIM pada 2002.

<sup>3</sup> Kamarudin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Mohd Razali Agus (1992), *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 30.

<sup>6</sup> Laporan daripada Bahagian Penyelidikan JAKIM pada 2002.

wakaf ini diabaikan kerana ia berpotensi besar untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat, khususnya umat Islam di negara ini, di samping kaum-kaum lain.<sup>7</sup> Walaupun tanah wakaf ini bertaburan dan tidak begitu ekonomik untuk dibangunkan, namun perancangan pembangunan tanah wakaf wajar diteruskan supaya memberi manfaat kepada masyarakat Islam.

Lantaran itu, makalah ini akan melihat beberapa isu yang mungkin baru atau mungkin isu lama yang seringkali dibincangkan dalam seminar dan bengkel. Dalam makalah ini, antara isu yang dibincangkan ialah pertamanya masalah dalam penafsiran penggunaan wakaf. Sebagai contoh, hampir semua harta wakaf adalah digunakan untuk mendirikan masjid dan ini berpunca dari fahaman konsep penggunaan wakaf untuk ibadat khusus (*fardhu ain*), sedangkan penggunaannya adalah lebih luas merangkumi ibadat *fardhu ain* dan *fardhu kifayah*. Isu kedua ialah harta wakaf yang banyak di Malaysia, masih belum dimanfaatkan dan dibangunkan sepenuhnya. Ini kerana terdapat pelbagai halangan yang timbul dalam membangunkan institusi wakaf antaranya ialah halangan perundangan. Sebagai contoh, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1960 dan Kanun Tanah Negara. Disusuli dengan isu ketiga iaitu masalah pentadbiran dan pengurusan Baitul Mal yang merupakan institusi perbendaharaan Islam yang mengawalselia sumber kewangan Islam iaitu wakaf.

## **Fokus Makalah**

Fokus makalah adalah untuk meninjau isu-isu yang membataskan penggunaan wakaf, antaranya ialah:

1. masalah dalam penafsiran penggunaan wakaf berdasarkan pendapat ulama'.
2. harta wakaf yang banyak di Malaysia, masih belum dimanfaatkan dan dibangunkan sepenuhnya berpunca daripada halangan perundangan.
3. masalah pentadbiran Baitul Mal yang merupakan institusi yang mengawal selia harta wakaf.

Dalam perbincangan seterusnya, makalah ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian yang membicarakan pengertian dan jenis-jenis wakaf, bahagian yang menunjukkan jumlah keluasan tanah wakaf, bahagian yang membincangkan isu-isu yang membataskan penggunaan wakaf dan cadangan penyelesaian dan akhir sekali bahagian kesimpulan.

---

<sup>7</sup> Suhaida Ismail (1994), "Merealisasikan Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Kes di Selama, Perak Darul Ridzuan." Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 8.

## Pengertian dan Jenis-jenis Wakaf

### Dari Segi Bahasa

Perkataan wakaf berasal dari bahasa Arab yang bermaksud: “terhenti” atau “tertahan”. Dikatakan “saya mewakafkannya”, bererti saya menahannya dari digunakan. Berdasarkan pengertian bahasa ini, maka lahirlah istilah wakaf dari segi Hukum Syarak.<sup>8</sup> Menurut Kitab *al-Awtar*, wakaf dari segi syarak bermaksud menahan harta itu pada jalan Allah untuk diberikan manfaatnya kepada golongan fakir dan musafir dengan mengekalkan ainnya (asal) sebagai milik pemberi wakaf. Para fuqaha’ telah bersepakat memberi takrifan wakaf berdasarkan istilah bahasa dengan ‘*al-Habs*’ bererti menahan kerana ia lebih hampir kepada pengertian syara’. Ini adalah berdasarkan kepada hadith dari ‘Umar yang telah diriwayatkan oleh Imam Syāfi‘ī:<sup>9</sup>

Mafhum: “*Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya dan berilah pada jalan Allah akan buahnya (hasilnya).*”

Syed Othman al-Habshi menekankan takrif wakaf yang paling jelas seperti yang diterangkan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadithnya, iaitu:<sup>10</sup>

Mafhum: “*Bahawa (Sayyidina) ‘Umar r.a. pernah berkata: Wahai Rasulullah! Saya telah memperoleh harta yang saya tidak pernah perolehi seumpamanya (sebelum ini) dan saya ingin menghampiri Allah s.w.t menerusnya, lalu dijawab oleh Rasulullah s.a.w.: Tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya, lalu Sayyidina ‘Umar r.a jadikan hartanya itu (tanah perolehan di Khaibar) sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual beli, diberi dan diwarisi.*”

### Dari Segi Istilah

Dari segi istilah, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal ‘ainnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan, serta terhalang dari boleh digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwakafkan dan dimanfaatkan itu, dengan harapan

<sup>8</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peranan Wakaf di Dalam Pembangunan Ummah,” *Al-Ahkam* Jilid 6, Kuala Lumpur: DBP, h. 158.

<sup>9</sup> Al-Syāfi‘ī, Abū ‘Abdullāh Muhammad bin Idris, *al-Umm*, Mesir: Kitāb al-Sha'b, Jilid 3, h. 274.

<sup>10</sup> Syed Othman al-Habshi (Prof. Dr.) (1986), “Konsep Wakaf dan Pelaksanaannya di Malaysia”, Kertas Kerja dalam *Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pentadbiran Harta-harta Wakaf*, Majlis Agama Islam Perak dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 21.

ianya dapat mendekatkan dirinya kepada Allah s.w.t.<sup>11</sup> Jelas, dari segi istilah, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya (ain) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan oleh serta terhalang dari boleh digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwakaf dan dimanfaatkan itu, dengan harapan ianya dapat mendekatkan dirinya kepada Allah swt.<sup>12</sup> Wakaf diberi pelbagai pengertian oleh para ulama' seperti berikut:

Mazhab	Pengertian
Mazhab Syāfi‘ī	Wakaf ialah menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya dengan dikekalkan zat harta itu dengan memutuskan hak pengurusan pewakaf dan hasilnya digunakan untuk tujuan kebajikan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah. <sup>13</sup>
Mazhab Ḥanbali	Wakaf bererti menahan fizikal sesuatu harta dan disedekahkan hasil untuk tujuan kebajikan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah. <sup>14</sup> Takrifan mazhab ini adalah lebih longgar berbanding dengan Mazhab Syāfi‘ī. Ini kerana perkataan ‘ <i>sedekah</i> ’ dalam takrifan mazhab ini boleh membawa erti iaitu harta wakaf boleh diberikan sahaja kepada penerima wakaf. Sedangkan harta wakaf itu hukumnya hanya boleh diambil manfaat atau hasilnya sahaja.
Mazhab Mālikī	Wakaf ialah mensedekahkan manfaat sesuatu harta selama mana harta itu wujud dan kekal pemilikan harta tersebut secara <i>taqdīrī</i> . <sup>15</sup> Ini adalah berdasarkan hadith: Mafhumnya: “ <i>Tahanlah asal harta tersebut dan alirkan hasilnya.</i> ” Maksud menahan di atas bukanlah bererti terputus milik pewakaf tetapi ia masih tetap dalam pemilikannya. <sup>16</sup> Walaupun pemilikan harta tersebut masih kekal kepada pewakaf, namun pemilikannya adalah pemilikan yang terikat

<sup>11</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (1995), *Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, jilid 8. Syria: Dār al-Fikr, h. 155.

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Muḥammad ‘Ubayd al-Kabisi (1977), *Aḥkām al-Waqf fī as-Syari‘ah al-Islāmī*, Juz 2, Baghdad, h. 60.

<sup>14</sup> Muḥammad al-Syarbīnī al-Khāṭib (1958), *Mughnī al-Muhtāj*, Juz 2, h. 98.

<sup>15</sup> Muḥammad ‘Ubayd al-Kabisi, *op.cit.*, h. 78.

<sup>16</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1959), *Muḥādharaṭ fī al-Waqf*, c. 2, Dār al-Fikr al-‘Arabi, h. 106.

	iaitu pewakaf masih tidak boleh menjual harta tersebut dan lebih tepat lagi, ia tidak boleh lagi bertasarruf dengannya sebagaimana harta yang dimilikinya.
Mazhab Ḥanafī	Imam Abū Yūsuf dan Imām Muḥammad bin Ḥassan mentakrifkan wakaf iaitu menahan sesuatu harta di bawah kekuasaan Allah swt, di mana hak milik si pewakaf akan berpindah kepada Allah swt dan hasil daripada harta tersebut digunakan untuk kebaikan orang ramai. <sup>17</sup> Harta wakaf akan bertukar menjadi milik Allah, maka hendaklah harta tersebut digunakan pada jalan-jalan kebajikan atau perkara-perkara makruf.

### Jenis-jenis Wakaf

Terdapat beberapa bentuk wakaf yang boleh dilakukan seperti berikut:

1. **Wakaf Am:** iaitu mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan Islam semata-mata tanpa ditentukan sebarang tujuan khusus. Wakaf jenis ini amat digalakkan dalam Islam kerana wakaf ini ditujukan kepada umum atau orang ramai dan pahalanya akan terus diterima oleh wakif walaupun setelah ia meninggal dunia. Maka wakaf jenis ini amat sesuai sebagai salah satu sumber pembiayaan aktiviti-aktiviti pembangunan ummah, sama ada di bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan lain-lain.<sup>18</sup>
2. **Wakaf Khas:** iaitu mewakafkan harta bagi tujuan sesuatu kebajikan secara khusus seperti bagi tujuan masjid, surau, kubur dan sebagainya. Wakaf ini tidak boleh digunakan bagi tujuan selain yang diniatkan.
3. **Wakaf Musytarak:** iaitu mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan secara bersama oleh beberapa orang. Contohnya, wakaf tanah pertanian yang sebahagian hasilnya ditujukan untuk anak-cucu, sementara sebahagian lagi untuk tujuan umum.<sup>19</sup>
4. **Wakaf Kaki:** iaitu mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan dengan cara pengurusan wakaf membeli keseluruhan harta dan pewakaf membayar harga mengikut sukanan tertentu yang dikehendakinya.

<sup>17</sup> Muḥammad ‘Ubayd al-Kabisi, *op.cit.*, h. 79.

<sup>18</sup> Syed Othman al-Habshi (Prof. Dr.), *op.cit.*, h. 21.

<sup>19</sup> *Ibid.*

## **Keluasan Tanah Wakaf Di Malaysia**

Jadual 1 menunjukkan jumlah keluasan tanah wakaf bagi setiap negeri di Malaysia. Johor mempunyai jumlah keluasan tanah wakaf yang paling tinggi iaitu 5,928 ekar diikuti dengan Perak iaitu 5,122 ekar. Wilayah Persekutuan mempunyai jumlah keluasan tanah wakaf yang paling rendah iaitu 27.54 ekar sahaja. Jumlah keseluruhan ialah 20,735.61 ekar, dan makalah ini gagal menentukan kawasan-kawasan yang mempunyai kawasan tanah wakaf berkelompok atau bertaburan. Tanah wakaf di Malaysia ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tanah wakaf am dan tanah wakaf khas.

**Jadual 1:**

### **Jumlah Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Negeri di Malaysia (2002)**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah (Ekar)</b>
1	Johor	5,928
2	Perak	5122
3	Pahang	3,985
4	N. Sembilan	1,786.60
5	Selangor	1,063.25
6	Melaka	843.36
7	Kedah	843.34
8	Kelantan	304.66
9	Terengganu	247.44
10	Sarawak	236.929
11	Perlis	227.44
12	P. Pinang	89.26
13	Sabah	29.598
14	W. Persekutuan	27.54
	<b>Jumlah</b>	<b>20,734.42</b>

Sumber: Bahagian Penyelidikan, JAKIM

## Jumlah Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Negeri

### 1. Negeri Johor


Jadual 2 dan Rajah 1 menunjukkan jumlah keluasan dan jenis kegunaan tanah wakaf di Johor pada tahun 1989. Sebanyak 1,185.25 ekar daripada tanah wakaf tersebut adalah merupakan kawasan tanah perkuburan dan diikuti dengan kawasan masjid iaitu 460.25 ekar. Manakala Johor Bharu mempunyai keluasan tanah wakaf yang terbanyak iaitu 159.75 ekar.

**Jadual 2:**  
**Jumlah Keluasan Tanah Wakaf**  
**Mengikut Daerah di Johor (1989)**

Bil.	Daerah	Keluasan (Ekar)
1	Muar	466
2	Batu Pahat	455
3	Pontian	299
4	Segamat	231.75
5	Johor Bharu	159.75
6	Kluang	146.25
7	Kota Tinggi	127.5
8	Mersing	58

Sumber: Pusat Maklumat Islam, JAKIM

Rajah 1 : Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Jenis Kegunaan di Johor (1989)



Sumber: Pusat Maklumat Islam, JAKIM

## **2. Negeri Sembilan**


Jadual 3 dan Rajah 2 menunjukkan jumlah kluasan dan kegunaan tanah wakaf di Negeri Sembilan pada tahun 1989. Daripada jumlah tersebut kira-kira 1,266.56 ekar adalah merupakan tanah wakaf perkuburan dan diikuti dengan masjid kira-kira 330.71 ekar. Daerah Kuala Pilah mempunyai jumlah kluasan tanah wakaf terbesar iaitu 593.42 ekar.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan juga pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah bersetuju untuk menubuhkan Skim Pembangunan Tanah Wakaf Masjid (TAWAKAF) pada 1993. Sejumlah RM100,000 telah diperuntukkan untuk pembiayaan projek tersebut dalam bentuk pinjaman tanpa faedah. Satu jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan sebagai penaung, telah dibentuk untuk mengawasi projek pembangunan tanah-tanah tersebut.

**Jadual 3:**  
**Jumlah Kluasan Tanah Wakaf**  
**Mengikut Daerah di Negeri Sembilan (1989)**

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kluasan (Ekar)</b>
1	Jelebu	124.29
2	Jempul	310.41
3	Kuala Pilah	593.42
4	Port Dickson	118.14
5	Rembau	201.75
6	Seremban	323.74
7	Tampin	117.12

Sumber: Pusat Maklumat Islam, JAKIM



Sumber: Pusat Maklumat Islam, JAKIM

### 3. Perak

Jadual 4 dan Rajah 3 menunjukkan jumlah keluasan dan jenis kegunaan tanah wakaf di Negeri Perak pada tahun 1989. Tanah perkuburan merupakan kawasan yang terbesar iaitu seluas 1,613 ekar dan diikuti oleh masjid iaitu 907 ekar. Manakala Daerah Krian mempunyai keluasan tanah yang terbesar iaitu 555 ekar. Manakala Jadual 5 pula menunjukkan harta komersial wakaf di Negeri Perak pada tahun 1989. Kebanyakan harta wakaf ini dalam bentuk atau jenis rumah kedai setingkat, dua tingkat dan empat tingkat. Selain daripada projek-projek tersebut, Majlis juga sedang merancang pembangunan tanah wakaf seluas 17 ekar di Bercham untuk rancangan perumahan. Bagi tanah wakaf khas masjid dan sebagainya pula, pembangunan tanah tersebut dilaksanakan oleh Jawatankuasa Masjid berkenaan.

**Jadual 4:**  
**Jumlah Keluasan Tanah Wakaf**  
**Mengikut Daerah di Perak (1989)**

Bil.	Daerah	Keluasan (Ekar)
1	Krian	423
2	Hulu Perak	325
3	Selama	174
4	Larut Matang	339
5	Kuala Kangsar	555
6	Manjung	153
7	Parit	222
8	Kinta	369
9	Batang Padang	371
10	Slim River	60
11	Hilir Perak	184
12	Kg. Gajah	106


Sumber: Pusat Maklumat Islam, JAKIM

**Jadual 5:**  
**Harta Komersial Wakaf Negeri Perak (1989)**

Alamat	Nama Wakaf	Jenis Harta
No 198-206 Jalan Kota Taiping 55, Jalan Tokong Ipoh	Masjid Melayu Taiping Pusing	Rumah Kedai 4 Tingkat Rumah Kedai 2 Tingkat
130, Jalan Sultan Yusof, Ipoh	Toh Puan Cha	Rumah Kedai 2 Tingkat
137, Jalan Sultan Idris Shah	Toh Puan Cha	Rumah Kedai 2 Tingkat
52, Jalan Clare Ipoh	Hajah The Fatimah	Rumah Kedai 2 Tingkat
40, Jalan Hume Ipoh	Hajah The Fatimah	Rumah Kedai 2 Tingkat
3, Jalan Russel Ipoh	Hajah Halimah	Rumah Kedai 2 Tingkat

42A, Jalan Lang Ipoh 238,234, & 241 Jalan Besar 114, Jalan Jeti, Bagan Serai 234 Jalan Pasir Puteh 107, Jalan Besar 47 Jalan Bangsar No 1 & 2 Jalan Raja Muda	Iskandar Krian Iskandar Krian Iskandar Krian Kuliah Iskandar Kuliah Iskandar Kuliah Iskandar Madrasah Mariah	Kedai Setingkat Rumah Kedai 2 Tingkat Rumah Kedai Setingkat
---	--	---

Sumber: Pusat Maklumat Islam, JAKIM



Sumber: Pusat Maklumat Islam, JAKIM

#### 4. Negeri Kelantan

Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukkan jumlah keluasan tanah wakaf mengikut daerah di negeri Kelantan pada tahun 1989. Taburan harta wakaf yang terdapat di Kelantan kebanyakannya digunakan untuk kawasan kebun kelapa dan rumah.

**Jadual 6:**  
**Jumlah Keluasan Tanah Wakaf**  
**Mengikut Daerah di Kelantan (1989)**

Bil.	Daerah	Keluasan (Ekar)
1	Kota Bharu	34
2	Pasir Mas	10
3	Machang	6.139
4	Kuala Krai	14.3
5	Tumpat	7
6	Pasir Putih	9.5
7	Tanah Merah	5.486

Sumber: Majlis Agama Islam Kelantan

**Jadual 7:**  
**Jumlah Keluasan Tanah Wakaf Dan Jenis Kegunaan**

Bil	Tanah Wakaf	Jenis Kegunaan	Keluasan
1	Waqaf Tg. Pahlawan	Tanah Rumah Bendang Ke'bon Kelapa	98 ekar 222 Depa
2	Waqaf Sultan Mansor	Tanah Rumah Kebun Kelapa	70 ekar 3 Depa
3	Waqaf Dato' Seri DiRaja	Kebun Kelapa	1 ekar 140 Depa
4	Waqaf Hj. Che Omar	Tanah Rumah	1 ekar 225 Depa
5	Waqaf Tengku Panglima Raja	Kebun Kelapa	101 ekar 99.7 Depa

Sumber: Majlis Agama Islam Kelantan

## 5. Melaka


Jadual 8 dan Rajah 4 menunjukkan jumlah keluasan dan jenis kegunaan tanah wakaf di Melaka pada tahun 1989. Bagi Negeri Melaka, Melaka Tengah mempunyai keluasan terbesar iaitu 244 ekar. Dari kegunaan tanah wakaf pula, kawasan tanah perkuburan adalah yang terbesar iaitu 344.28 ekar dan diikuti masjid iaitu 120.17 ekar.

**Jadual 8:**  
**Jumlah Keluasan Tanah Wakaf**  
**Mengikut Daerah di Melaka (1989)**

Bil.	Daerah	Keluasan (Ekar)
1	Melaka Tengah	244
2	Alor Gajah	172.46
3	Jasin	177.01

Sumber: Pusat Maklumat Islam JAKIM

**Rajah 4 : Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Jenis Kegunaan di Melaka (1989)**



Sumber: Pusat Maklumat Islam JAKIM

## 6. Selangor

Jadual 9 dan Rajah 5 menunjukkan jumlah keluasan dan jenis kegunaan tanah wakaf di Selangor. Di Selangor kira-kira 226 ekar tanah wakaf adalah untuk kegunaan masjid dan khazanahnya, 53 ekar telah diwakafkan untuk tapak surau, 52 ekar untuk kawasan perkuburan dan 6 ekar untuk kawasan sekolah dan rumah anak-anak yatim, manakala 21 ekar untuk kegunaan umum.

Kini pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah melaksanakan beberapa perancangan untuk menjadikan institusi wakaf berperanan dalam membangunkan ekonomi ummah. Salah satu rancangan yang dilakukan sekarang ialah melancarkan Skim Saham Wakaf Selangor.

### *Tinjauan Isu-isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi*

Skim ini adalah satu Skim yang menggalakkan orang ramai membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAIS dan mewakafkan sijil-sijil tersebut untuk selama-lamanya kerana Allah S.W.T dengan tujuan demi kepentingan dan kebajikan umat Islam. Skim ini ditubuhkan berasaskan kepada Seksyen 17 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.


Kutipan serta perolehan daripada skim ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Kumpulan Wang Wakaf iaitu satu kumpulan wang yang menghimpunkan segala hasil dan perolehan yang diterima daripada sumber harta wakaf. Skim ini terbuka kepada sesiapa sahaja yang beragama Islam. Dana wakaf dan hasil yang terkumpul dalam tabung ini akan diagihkan untuk kepentingan umat Islam meliputi aspek ekonomi, pendidikan, sosial dan kerohanian. Skim Saham Wakaf ini memudahkan umat Islam untuk mewakafkan harta walaupun tidak berkemampuan untuk mewakafkan aset yang berbentuk kekal dan tinggi nilainya seperti tanah, rumah, bangunan dan sebagainya.

**Jadual 9:**  
**Jumlah Keluasan Tanah Wakaf**  
**Mengikut Daerah di Selangor (1989)**

Bil.	Daerah	Keluasan (Ekar)
1	Hulu Langat	50
2	Gombak Barat	12
3	Klang	75
4	Kuala Langat	35
5	Kuala Selangor	34
6	Sabak Bernam	63
7	Sepang	23
8	Sungai Besar	28
9	Tanjung Karang	22
10	Ulu Selangor	19

Sumber: Majlis Agama Islam Selangor

**Rajah 5 : Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Jenis Kegunaan di Selangor (1989)**



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor

## 7. Pulau Pinang

Wakaf terbesar ialah di Georgetown iaitu melebihi 20 ekar dan adalah berkelompok dan tidak tersebar. Jadual 10 menunjukkan pecahan guna tanah wakaf di Pulau Pinang iaitu untuk kediaman, rumah kedai atau perniagaan, tapak masjid, makam dan lain-lain (termasuk bendang, kebun, tapak sekolah dan sebagainya)

**Jadual 10:**  
**Guna Tanah Wakaf Pulau Pinang**

<b>Guna Tanah</b>		<b>Bilangan Unit</b>
1.	Kediaman	
	(i) Wakaf Masjid Haji Kassim, Jalan Dato' Keramat	84 buah rumah
	(ii) Wakaf Coopee Amah Jalan Burmah	21 buah rumah
	(iii) Wakaf Rumah Pangsa Kadersah, Lebuh Pitt	22 unit rumah pangsa dan 13 rumah kedai
	(iv) Wakaf Masjid Sheikh Eusoff, Jalan Thean Teik, Jalan Air Itam	61 buah rumah dan 20 buah rumah
	(v) Wakaf Masjid Kapitan Kling, Kampung Dodol	52 buah rumah

2.	Rumah Kedai  (i) Wakaf Rumah Pangsa Kadersah, Lebuh Ah Quee  (ii) Wakaf Kapitan Kling Bersendirian, Lebuh Carnavon  (iii) Wakaf Masjid Kapitan Kling, Lebuh Pitt/Ah Quee Lebuh Carnavon  (iv) Masjid Acheen Street Lebuh Acheen	8 rumah kedai  6 rumah kedai  9 rumah kedai 10 rumah kedai  14 gerai dan kedai
3.	Perniagaan (Gerai dan Kedai)  (i) Wakaf Masjid Langgar Lebuh Pantai  (ii) Wakaf Masjid Nagore Lebuh Chulia/ Lebuh King	3 buah kedai  8 gerai perniagaan

Sumber: Kamarudin Ngah (1992)

## 8. Kedah

Harta-harta wakaf di Negeri Kedah Darul Aman terletak di bawah kuasa kerajaan negeri iaitu di bawah Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Unit Baitulmal dan Wakaf. Peruntukan mengenai wakaf memang terdapat di dalam enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah No. 9 tahun 1962. Di dalam enakmen ini telah memperuntukkan dan mengiktiraf dua jenis wakaf iaitu wakaf khas dan wakaf am sahaja. Tetapi peraturan yang khusus mengenainya belum lagi diadakan. Segala permasalahan yang timbul akan dirujuk kepada hukum syarak.

Menurut pendaftaran penerimaan wakaf di negeri ini kebanyakan harta-harta wakaf itu wujud dalam bentuk tanah, tapak masjid, tapak sekolah agama rakyat, dan tanah perkuburan. Harta-harta ini bukan sahaja terdapat di luar bandar, malahan terdapat juga di dalam bandar.

Satu pendekatan baru diperkenalkan oleh MAIK bagi menggalakkan orang ramai membuat amal kebajikan dan jariah ialah melalui projek "wakaf jemba". Mengikut amalannya Majlis Agama Islam membeli tanah dan kemudian Majlis akan membuat pecahan tanah tersebut mengikut jemba dan kemudian dijual kepada orang ramai dan orang ramai boleh membeli tanah-tanah yang dipecah mengikut jemba untuk mereka membuat wakaf kemudian dan orang ramai bolehlah mewakaf kembali kepada Majlis Agama Islam. Anggaran satu jemba di antara RM5.00 hingga RM30.00, projek wakaf jemba ini masih dijalankan sehingga ke hari ini.

## Pembangunan Tanah Wakaf<sup>20</sup>

Tanah-tanah milik MAIK terletak di lokasi yang begitu strategik seperti dalam kawasan bandar utama, menjadikannya begitu sesuai dimajukan. Dalam usaha murni ini, pihak MAIK telah menerima banyak permohonan daripada pelbagai syarikat binaan tempatan dalam usaha bersama untuk menjadikan institusi wakaf ini lebih berjaya dan bermatlamat luas.

Sebagai langkah permulaan, pihak MAIK telahpun menjalankan beberapa usaha ke atas tanah-tanah yang berpotensi seperti:

### 1. Tanah Wakaf Lot. 871, Jln. Putra, Alor Setar

Satu projek pembinaan bangunan perniagaan 6 tingkat telah pun dilaksanakan dan kini dalam pembinaan. Projek pembangunan ini dijalankan secara penswastaan oleh Syarikat Binaan Sentosa Sdn. Bhd. Sebagai pulangan balik kepada MAIK, pihak syarikat bersetuju membayar sebanyak RM4 juta dalam perjanjian pajakan selama 99 tahun.

### 2. Tanah Wakaf Khas Lot. 319, Limbung Kapal, Alor Setar

Jawatankuasa Perundingan Projek yang berunding dengan pihak pemaju pada 26 November, 1995 telahpun bersetuju menawarkan projek pembangunan perniagaan kepada Syarikat Sumuremas Work & Trading Sdn. Bhd. Pemilihan ini berdasarkan penawaran kepada MAIK yang tinggi iaitu RM5.150 juta, tambahan pula syarikat ini merupakan 100% milik bumiputera. Sebanyak 8 buah syarikat telah mengemukakan permohonan cadangan untuk memajukan lot tersebut.

### 3. Tanah Wakaf Lot. 260, Mukim Sungai Petani

Jawatankuasa Perundingan Projek yang bermesyuarat pada 14 Oktober 1995 telah bersetuju menawarkan kepada syarikat Briliant Contour Sdn.Bhd. bagi membangunkan tanah tersebut dengan projek perumahan. Pihak syarikat bersetuju menerima tawaran 2 unit binaan dari setiap 10 unit kepada MAIK sebagai pulangan.

### 4. Tanah Wakaf Lot. 227, Mukim Mergong, Alor Setar

Jawatankuasa Perundingan Projek dengan persetujuan Majlis telah bersetuju menawarkan projek perumahan di atas lot ini kepada Syarikat Asian Frontier Sdn. Bhd. Penawaran ini berdasarkan pulangan 2 unit rumah daripada setiap 10 unit binaan kepada MAIK.

<sup>20</sup> Majlis Agama Islam Kedah. <http://www.maik.gov.my> (Januari 2003).

## *Tinjauan Isu-isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi*

- \* Tanah Lot 319 (Limbong Kapal Alor Setar), Lot 227 (Mukim Mergong, Alor Setar) dan Lot 260 (Mukim Sungai Petani) kini dalam proses bagi menandatangani perjanjian pembangunan secara penswastaan dengan kawalan MAIK.


### **9. Negeri Terengganu**

Jadual 11 dan Rajah 6 menunjukkan jumlah kluasan tanah wakaf dan jenis kegunaannya di Terengganu. Di Terengganu, keseluruhan tanah wakaf berjumlah 259 lot dengan kluasan 95.909 hektar, tidak termasuk tanah wakaf tapak kubur atau tapak masjid dan juga tanah Chenderong. Tanah wakaf yang paling luas terdapat di Kuala Terengganu iaitu 68.3510 hektar dan jenis wakaf Khas Masjid / Surau adalah terbesar iaitu 39.82239 hektar.

**Jadual 11:**  
**Jumlah Keluasan Tanah Dan Jenis Wakaf**  
**Mengikut Daerah Di Terengganu (2000)**

Jenis Wakaf	Kuala Terengganu		Besut		Kemaman		Marang		Hulu Terengganu		Jumlah	
	Lot	Luas (ha)	Lot	Luas (ha)	Lot	Luas (ha)	Lot	Luas (ha)	Lot	Luas (ha)	Lot	Luas (ha)
Wakaf Khas	14	1.24949	1	0.8636	2	7.5891	4	3.6483	2	0.8504	23	14.2101
Wakaf Khas Pelajaran	27	16.9141	-	-	-	-	-	-	1	3.12231	28	20.03641
Wakaf Khas Zuriat	18	1.38839	-	-	-	-	1	1.2545	1	2.19744	20	21.84035
Wakaf Khas Masjid/ Surau	158	31.7990	-	-	-	-	27	7.5859	3	0.43737	188	39.82239
<b>Jumlah</b>	<b>217</b>	<b>68.3510</b>	<b>1</b>	<b>0.8636</b>	<b>2</b>	<b>7.5891</b>	<b>32</b>	<b>12.488</b>	<b>7</b>	<b>6.6757</b>	<b>259</b>	<b>95.909232</b>

Sumber : Majlis Agama Islam Terengganu (MAIDAM)



Sumber : Majlis Agama Islam Terengganu (MAIDAM)

## Isu-isu dan Cadangan Penyelesaian

### Isu Pertama:

Isu pertama ialah masalah dalam penafsiran penggunaan wakaf berdasarkan pendapat ulama'. Contoh, hampir semua harta wakaf adalah digunakan untuk mendirikan masjid dan ini berpunca dari fahaman konsep penggunaan wakaf untuk ibadat khusus (fardhu ain), sedangkan penggunaannya adalah luas merangkumi ibadat fardhu ain dan fardhu kifayah.

### Cadangan Penyelesaian

Masalah dalam penafsiran penggunaan harta wakaf ini boleh dirujuk kepada beberapa pendapat para fuqaha' Islam. Di antara yang masyhur ialah:

#### 1. Mazhab Syāfi'i dan Mālikī

Imam Syāfi'i dan Mālikī dan sebahagian ahli feqah telah menetapkan syarat-syarat yang tegas dan jelas untuk melakukan perubahan terhadap harta wakaf.<sup>21</sup> Golongan ini berpegang kepada prinsip asas harta wakaf iaitu harta wakaf tidak boleh diwarisi, dihibahkan dan dijual-beli, melainkan harta tersebut tidak lagi berfungsi untuk memenuhi tujuan-tujuan wakaf yang asal. Imām Syāfi'i berpendapat dengan melakukan perubahan terhadap harta wakaf bererti membinaaskan konsep wakaf tersebut.

<sup>21</sup> Al-Zuhaylī, *op.cit.*, h. 156.

Justeru itulah Imām Syāfi‘ī dan Mālikī sepakat bahawa dilarang sama sekali menukarkan atau menjual harta wakaf berbentuk masjid. Mereka berpendapat bahawa masjid tidak boleh ditukar atau dijual-beli, walaupun untuk diganti dengan masjid yang baru disebabkan masjid lama rosak atau tiada orang bersembahyang lagi di situ.

Menurut Mazhab Syāfi‘ī benda yang diwakafkan berpindah menjadi milik Allah dan terkeluar daripada pemilikan manusia, sama ada pewakaf atau penerima wakaf. Wakaf tidak boleh ditukar ganti atau dijual sebagaimana nasnya dalam Kitab *Fath al-Mu‘in* yang bererti: “*Tidak boleh dijual benda yang diwakafkan sekalipun benda yang diwakaf itu rosak*”. Sebaliknya kayu masjid lama yang telah diruntuhkan untuk membina masjid baru boleh digunakan untuk membuat bangsal tempat letak kenderaan atau tempat menyimpan keranda jenazah di dalam kawasan masjid untuk kegunaan jemaah. Bagaimanapun, jika masjid yang dibina oleh kerajaan bila dirobohkan untuk dibuat masjid baru, peralatan lama itu boleh dijual kepada orang ramai dan wang tersebut dimasukkan ke dalam tabung kewangan masjid.<sup>22</sup>

Mereka juga berpendapat harta tetap seperti rumah, tanah dan berkaitan mestilah dikekalkan dalam bentuk asal sebagaimana yang dikehendaki oleh pewakaf. Akan tetapi sebahagian ulama Mazhab Syāfi‘ī dan Mālikī mengharuskan penukaran harta tetap yang sudah rosak dan tidak berfungsi lagi bagi mencapai maksud wakaf yang dikehendaki.

## 2. Mazhab Imam Hanafi

Pendapat mazhab Imām Hanafi meletak syarat lebih longgar dalam melakukan perubahan terhadap harta wakaf.<sup>23</sup> Mazhab ini mengharuskan perubahan dalam kebanyakan keadaan selama mana perubahan itu mendatangkan maslahah, sama ada perubahan itu diputuskan oleh pewakaf sendiri atau wakilnya atau hakim, sama ada harta tersebut adalah harta tetap atau harta alih dan sama ada harta itu subur ataupun tidak beroperasi lagi.

Imām Hanafi meletakkan enam syarat untuk melakukan perubahan terhadap harta wakaf tetap **selain masjid** iaitu:

- i. Harta wakaf itu mestilah tidak boleh memberi manfaat secara menyeluruh.
- ii. Harta wakaf itu tidak berkembang atau subur walaupun diusahaikan.
- iii. Penjualan yang dilakukan mestilah bukan secara penipuan

<sup>22</sup> Mohd Zain Hj. Othman (1989), “Konsep Wakaf Mengikut Pandangan al-Syafie dan Hubungannya dengan Amalan di Malaysia” (Kertas Kerja Pemikiran Islam, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Akademi Islam Universiti Malaya pada 9-10 Oktober 1989, h. 4.

<sup>23</sup> Al-Zuhaylī, *op.cit.*, h. 158.

- iv. Perubahan ini hendaklah dilakukan oleh pihak Kadi kerana mereka adalah orang yang berilmu tentang wakaf dan bertanggungjawab menyelesaikannya.
- v. Harta itu mestilah bukan dalam bentuk kewangan.
- vi. Harta itu tidak dijual kepada orang yang tidak boleh diterima persaksian dan orang yang berhutang kerana menimbulkan keraguan.

Berasaskan penafsiran di atas persoalan mengenai isu tersebut bukan lagi menjadi halangan untuk membangunkan harta wakaf. Secara keseluruhannya harta wakaf boleh dilakukan perubahan untuk dibangunkan demi meningkatkan kemakmuran ummah selagi perubahan tersebut tidak terkeluar dari syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam soal mengurangkan fahaman sempit masyarakat Islam terhadap isu ini, maka pihak Majlis Agama Islam Negeri dan pihak berkaitan perlu memberi penerangan yang lebih jelas kepada masyarakat bahawa harta yang hendak diwakafkan bukan sahaja untuk ibadah khusus (fardhu ain), sedangkan konsep ibadah itu luas merangkumi fardhu ain dan fardhu kifayah. Justeru itu harta yang hendak diwakafkan boleh juga untuk ibadah fardhu kifayah.

### **Isu Kedua:**

Isu kedua ialah harta wakaf yang banyak di Malaysia, masih belum dimanfaatkan dan dibangunkan sepenuhnya berpunca dari halangan perundangan.

### **Peruntukan undang-undang mengenai wakaf di Malaysia**

Majlis Hal Ehwal Agama Islam adalah dipertanggungjawabkan secara langsung untuk menguruskan dan menyelenggarakan institusi wakaf di Malaysia.<sup>24</sup> Dalam Perlembagaan Malaysia, kuasa membuat undang-undang dibahagikan kepada badan perundangan Persekutuan iaitu Parlimen dan Badan Perundangan Negeri. Senarai Negeri menyebutkan antara lain Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah akhirat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama dan khairat, yayasan amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri. Akan tetapi oleh kerana biasanya wakaf diwujudkan oleh surat amanah atau wasiat, perkara-perkara mengenai wakaf biasanya dibawa ke Mahkamah Sivil, khususnya jika

<sup>24</sup> Mohd Zain Hj. Othman (1998), *Islamic Law With Special Reference to the Institution of Waqaf*, Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, h. 21.

tanah itu tidak didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam atau jika ada orang bukan Islam yang terlibat.<sup>25</sup>

### **Halangan perundangan antaranya:**

1. **Seksyen 2 Akta Pemegang Amanah 1949** seharusnya dipinda iaitu “mahkamah” bermakna Mahkamah Tinggi Malaya atau Mahkamah Tinggi Borneo membicarakan kes-kes termasuk bagi **pegangan amanah** serta pusaka orang Islam dan tambahan kepada seksyen 2(4) akta yang sama juga perlu mengecualikan **pemegang amanah** itu tidak termasuk wakaf yang diwujudkan mengikut prinsip-prinsip undang-undang Islam.
2. **Akta Pengambilan Tanah 1960** juga seharusnya dipinda agar tidak membenarkan mana-mana tanah wakaf khususnya wakaf untuk masjid dan surau diambil semula oleh kerajaan tanpa mengira apa jua tujuannya. Pindaan akta ini penting supaya ia selari dengan penafsiran untuk melakukan perubahan terhadap harta wakaf seperti mana pendapat Imam Syafi'i dan Maliki dan Hanafi yang sepakat bahawa dilarang sama sekali menukar atau menjual harta wakaf berbentuk masjid.
3. Takrif wakaf di dalam **Kanun Tanah Negara** perlu dikaji semula dan peruntukan mengenai peraturan pendaftaran harta wakaf perlu diseragamkan.
4. Mengenai tuntuan pewaris pewakaf yang tidak dipindah milik serta tindakan undang-undang terhadap penceroboh harta wakaf tidak jelas dinyatakan di dalam mana-mana peruntukan undang-undang di negara kita. Maka semua perkara ini mesti dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana peruntukan undang-undang.

---

<sup>25</sup> Bidangkuasa berkaitan dengan pentadbiran harta wakaf di Mahkamah Syariah boleh dilihat di dalam Enakmen Pentadbiran Negeri-negeri. Kebanyakan negeri-negeri memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam menguruskan semua harta wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas di mana Majlis Agama Islam adalah sebagai pemegang amanah yang tunggal terhadap semua wakaf am dan wakaf khas itu. Ini boleh dibuktikan di dalam seksyen 70 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 negeri Pahang, Seksyen 61 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, seksyen 37 (2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1991 Negeri Melaka, seksyen 45 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 Negeri Sabah.

### **Isu Ketiga:**

Isu ketiga ialah masalah pentadbiran Baitulmal yang merupakan institusi yang mengawal selia harta wakaf dan perlu kepada penilaian semula pentadbiran institusi Baitulmal dalam membentuk satu sistem pengurusan harta wakaf yang cekap dan sistematik.

Setakat ini pelaksanaan konsep Baitulmal memperlihatkan penyempitan fungsi dan peranan dalam perekonomian umat Islam di negara ini. Hakikatnya masih jauh menyimpang dari konsep pelaksanaan Baitulmal dalam erti kata yang sebenarnya sebagaimana konsep Baitulmal di zaman kegemilangan pemerintahan Islam. Namun begitu sememangnya wujud perbezaan ketara di antara dua zaman tersebut dari segi persekitaran perekonomian. Akan tetapi perlaksanaan konsep Baitulmal ini sekarang sebenarnya sangat lemah dan berkeupayaan untuk diperbaiki pentadbirannya. Di bawah ini dikemukakan beberapa cadangan yang dirasakan praktikal dan boleh memperbaiki sistem pengurusan Baitulmal dengan lebih cekap dan berkesan iaitu:

### **Cadangan Penyelesaian**

1. Mewujudkan rantaian wakaf antara Baitulmal setiap negeri. Oleh itu perlu diwujudkan satu jawatankuasa peringkat persekutuan yang berperanan menguruskan maklumat dan laporan yang diterima oleh setiap negeri berkaitan wakaf. Jawatankuasa ini juga membuat analisis mengenai pembangunan ekonomi umat Islam secara keseluruhannya dan peluang pelaburan terhadap harta-harta wakaf yang berpotensi meningkatkan nilai tambah dari segi ekonomi. Jawatankuasa juga menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengan wakaf antara negeri.
2. Membentuk satu sistem maklumat bersepadu menggunakan kemudahan ICT supaya pentadbiran menjadi lebih cekap dan berkesan. Salah satu strategi ialah mewujudkan sistem pangkalan data institusi wakaf di Malaysia. Segala maklumat disimpan di dalam komputer secara teratur dan terancang merangkumi lokasi, status (sama ada tanah wakaf tersebut telah dimajukan atau terbiar), perancangan, berapa hasil kutipan yang telah berjaya dibuat (sama ada dari hasil perniagaan atau pertanian atau lain-lain lagi) serta apakah masalah yang menghalang pembangunan tanah wakaf tersebut.
3. Mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa supaya mekanisme perlaksanaan rangkaian sistem ini dipertingkatkan dan diperbaiki selalu.

## Kesimpulan

Daripada keseluruhan makalah ini dan cadangan penyelesaian bagi isu-isu di atas, beberapa kesimpulan dapat dinyatakan antaranya:

1. Institusi wakaf mampu berperanan dalam membangunkan ekonomi ummah jika masyarakat memahami dengan lebih jelas penafsiran penggunaan tanah wakaf dan matlamat ibadah wakaf. Tanggungjawab memberi penerangan adalah pihak Majlis Agama Islam Negeri, para ilmuan dan badan-badan berkaitan.
2. Institusi wakaf juga dapat membantu meningkatkan ekonomi ummah dan Majlis Agama Islam Negeri sekiranya halangan-halangan perundangan dapat dihapuskan. Ini adalah di bawah hak kerajaan negeri dan kuasa Raja dan Sultan. Ini kerana mengikut Abdul Monir Yaacob,<sup>26</sup> kecenderungan yang ada sekarang sekiranya perkara-perkara tersebut menyentuh agama Islam yang terletak di bawah hak kerajaan negeri dan menyentuh kuasa Raja atau Sultan boleh dilakukan dengan dua cara:
  - i. Melalui perbincangan dan muafakat antara negeri-negeri bagi menyeragamkan urusan agama tanpa melibatkan pindaan mana-mana peruntukan undang.
  - ii. Dengan cadangan dari Majlis Raja-Raja supaya diadakan suatu penyelarasan undang-undang yang terletak di bawah kuasa Raja atau Sultan.
3. Institusi wakaf juga mampu berperanan dalam membangunkan ekonomi ummah melalui pentadbiran dan pengurusan institusi wakaf yang cekap dan sistematik. Ini kerana menurut Kamarudin Ngah,<sup>27</sup> institusi wakaf dapat membangunkan ekonomi ummah sekiranya kita berjaya mewujudkan satu polisi perancangan pembangunan tanah wakaf yang seragam di seluruh negara yang bermatlamatkan guna tanah wakaf untuk masa hadapan. Antara projek dan perancangan yang boleh dijadikan contoh:
  - i. Mewujudkan pangkalan data wakaf Malaysia
  - ii. Skim Saham Wakaf Selangor yang dilancarkan oleh MAIS. Skim ini memudahkan umat Islam untuk mewakafkan harta, walaupun tidak

<sup>26</sup> Abdul Monir Yaacob (2001), “Kearah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan di Malaysia: Isu-isu Berkaitan Perundangan,” dalam *Seminar Ke Arah Pembentukan Baitulmal Kebangsaan*, h. 10.

<sup>27</sup> Kamarudin Ngah (1992), *op.cit.*, h. 22.

berkemampuan untuk mewakafkan aset yang berbentuk kekal dan tinggi nilainya seperti tanah, rumah, bangunan dan sebagainya.

- iii. Wakaf jemba seperti yang dilakukan di Kedah.
4. Kita juga mesti meletakkan institusi wakaf ke tarafnya yang sebenar berteraskan pembangunan keislaman dengan mementingkan ciri-ciri kerohanian dan keredhaan Allah.<sup>28</sup> Ini bermaksud rancangan pembangunan tanah wakaf mestilah seimbang dari segi pembangunan fizikal dan rohani ummah, mencakupi kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Walaupun isu-isu mengenai institusi wakaf selalu diperbincangkan dalam bengkel dan seminar, tetapi yang paling penting ialah usaha meningkatkan pengurusan institusi wakaf dan membangunkan tanah-tanah wakaf mestilah sentiasa diteruskan, walaupun kebanyakan tanahnya terlalu kecil dan kurang ekonomik untuk dibangunkan. Oleh yang demikian peranan kita ialah merenung ke dalam diri kita adakah kita sudah memberi sumbangan dalam membangunkan ekonomi ummah melalui institusi wakaf atau apakah kita memilih yang terbaik bagi diwakafkan dan disedekahkan ke jalan Allah.

---

<sup>28</sup> Syed Othman al-Habshi (Prof. Dr.), *op.cit.*, h. 23.